

Headline	Menangani isu berkaitan zakat		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	04 Aug 2013	Language	Malay
Circulation	297,950	Readership	2,476,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	L-33	ArticleSize	453 cm ²
AdValue	RM 15,337	PR Value	RM 46,011



Menangani isu berkaitan zakat

Usaha perlu dilaksanakan tingkat kesedaran syarikat tunai kewajipan

RAM AL JAFFRI SAAD

Sejak bermulanya Ramadan, timbul beberapa isu berkenaan zakat. Ada yang positif dan tidak kurang yang negatif. Walaupun sesetengah masyarakat melihat isu ini telah lama dibangkitkan, ia berterusan dari tahun ke tahun.

Akhbar tempatan cukup prihatin dalam mendedahkan hal berkaitan zakat. Sepanjang dua minggu ini isu tertumpu kepada kutipan dan agihan zakat dilaporkan. Tujuannya sudah pasti kerana ingin melihat kecemerlangan dan objektif sebenar zakat dapat dicapai dengan lebih gemilang.

Isu kutipan, umum mengetahui bermula Ramadan, institusi zakat telah membuka kaunter tujuh hari seminggu. Terdapat inisiatif dilakukan masjid dengan membuka kaunter pandu lalu bagi memudahkan orang ramai membayar zakat.

Usaha itu bukan saja wajar dipuji malah perlu diteruskan pada bulan lain kerana tanggungjawab membayar zakat bukan hanya pada Ramadan, sebaliknya ia perlu ditunaikan jika cukup syaratnya tidak kira pada bila-bila masa.

Usaha ini lebih fokus kepada menggalakkan individu membayar zakat fitrah dan zakat pendapatan. Bagaimana dengan zakat perniagaan, adakah usaha yang agresif dilakukan bagi menggalakkan lebih banyak syarikat korporat dan multinasional membayar zakat?

Tidak dinafikan kutipan zakat perniagaan telah menyaksikan peningkatan ketara sejak kebelakangan ini. Kutipan zakat perniagaan di Wilayah Persekutuan meningkat daripada kira-kira RM23 juta pada 2006 kepada RM34 juta pada 2010.

Bilangan pembayar juga meningkat daripada 885 pembayar pada 2006

kepada 1,429 pembayar pada 2010. Peningkatan hampir sekali ganda. Namun, jumlah ini masih kecil jika dibandingkan dengan jumlah sebenar syarikat Muslim yang berdaftar dan aktif menjalankan perniagaan.

Kurang 10 peratus

Bilangan pembayar zakat perniagaan di seluruh negara adalah kurang daripada 10 peratus jika dibandingkan dengan bilangan peniaga Muslim yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Satu kajian yang dijalankan terhadap syarikat patuh syariah yang tersenarai di Bursa Malaysia mendapati kurang daripada 10 peratus yang membayar zakat perniagaan.

Justeru, usaha agresif seperti lawatan berterusan ke syarikat-syarikat besar, taklimat zakat dan kerjasama erat dengan institusi zakat harus digemblengkan bagi meningkatkan kesedaran mereka terhadap zakat perniagaan.

Contohnya syarikat besar seperti Bank Islam Malaysia Berhad, Bank Rakyat, Tenaga Nasional Berhad, Pos Malaysia Berhad, PROTON dan syarikat lain yang tidak pernah lupa membayar zakat perniagaan.

Jika semua syarikat menunaikan zakat, ia mampu melonjakkan jumlah kutipan berkali ganda berbanding jumlah sedia ada. Kutipan zakat yang tinggi membolehkan pembangunan ummah dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Isu kedua ialah berkenaan agihan zakat. Terdapat isu pihak yang sepatutnya mendapat bantuan zakat berdepan masalah terutama dalam kes yang tidak dilaporkan kepada institusi zakat supaya bantuan dapat disalurkan.

Mungkin disebabkan tiada laporan

sedangkan sebenarnya ramai yang boleh mendapat manfaat daripada zakat yang diperoleh menjadi faktor menyebabkan lebih wang zakat yang banyak. Mungkin ia juga memperlihatkan agihan zakat tidak benar-benar sampai kepada pihak sasaran.

Institusi zakat yang profesional perlulah dilihat profesional dalam semua aspek. Jawapan seperti tidak menerima laporan boleh dielakkan pada masa hadapan. Tidak semua asnaf zakat 'berani' untuk tampil 'meminta' wang zakat dari institusi.

Ada yang tidak tahu bagaimana cara untuk memohon bantuan zakat. Ada pula yang merasa malu untuk meminta-minta. Peranan siapa untuk mencari maklumat mengenai mereka?

Maklumat asnaf

Bagi kes yang dilaporkan di akhbar timbul persoalan adakah perlu lagi pihak yang memerlukan itu membuat permohonan untuk mendapatkan bantuan? Mungkin ramai melihat kes itu dilaporkan media supaya institusi zakat mengambil inisiatif membuat lawatan segera ke rumah pihak berkenaan.

Begitu juga kes yang diketahui pihak sekeliling tetapi tiada inisiatif diambil untuk membantu pihak yang memerlukan itu. Ini masih banyak berlaku dalam masyarakat dan sesuatu perlu dilakukan bagi mengatasi kelemahan itu.

Jiran perlu lebih prihatin begitu juga ketua masyarakat supaya tampil menyalur maklumat kepada pihak bertanggungjawab. Kerjasama erat antara pihak bertanggungjawab dan ahli masyarakat perlu diperkukuhkan.

Penggunaan alat teknologi cang-

Headline	Menangani isu berkaitan zakat		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	04 Aug 2013	Language	Malay
Circulation	297,950	Readership	2,476,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	L-33	ArticleSize	453 cm ²
AdValue	RM 15,337	PR Value	RM 46,011

gih boleh disediakan oleh institusi zakat kepada orang ramai bagi tujuan memberi maklumat berkaitan asnaf. Jika zakat boleh dibayar menggunakan khidmat pesanan ringkas (SMS) mengapa tidak maklumat asnaf boleh disalurkan me-

lalui SMS?

Institusi zakat juga perlu lebih cepat bertindak. Jika ada kes-kes seperti ini segeralah turun padang. Dapatkan maklumat dan terus bertindak menghulurkan bantuan. Ke-

tepikan dulu soal remeh temeh birokrasi yang ada.



Penulis

ialah Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Perakaunan Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah

Headline	Menangani isu berkaitan zakat		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	04 Aug 2013	Language	Malay
Circulation	297,950	Readership	2,476,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	L-33	ArticleSize	453 cm ²
AdValue	RM 15,337	PR Value	RM 46,011

